

DARI LISAN KE TULISAN SETERUSNYA MENJADI AMALAN

Prof.Madya Dr. Ab. Razak Ab.Karim
Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Malaysia
abrazak@um.edu.my

ABSTRAK

Sastera lisan telah berkembang sebelum kedatangan pengaruh Arab yang membawa sistem tulisan dalam masyarakat di rantau ini. Sastera lisan yang mengandungi pelbagai ilmu dan juga bidang ini kemudiannya ditulis untuk menjadi ilmu rujukan dan tatapan masyarakat kini. Salah satu daripada ilmu sastera lisan yang mengalami perubahan besar ini ialah ilmu perubatan masyarakat zaman lampau, khususnya ilmu perubatan tradisional dalam kalangan masyarakat Melayu. Dalam makalah ini akan dibincangkan beberapa jenis rawatan masyarakat Melayu lama yang berasal daripada sastera lisan yang kemudiannya ditulis dalam bentuk manuskrip. Kaedah rawatan ini kemudiannya menjadi amalan masyarakat zaman lampau hingga kini. Ilmu yang ada dalam manuskrip ini kemudiannya berkembang dan menjadi salah satu daripada alternatif rawatan pelbagai penyakit. Yang menariknya setengah daripada rawatan ini tidak terdapat dalam rawatan moden. Kajian yang dilakukan adalah bersumberkan 3 buah naskhah dari koleksi Universiti Malaya, koleksi La Ode Zainu, Bau-bau, Buton, dan koleksi Perpustakaan Negara Malaysia.

Kata kunci: perubatan tradisional, manuskrip, kitab tib, kaedah rawatan

1.0 PENDAHULUAN:

Sebelum kedatangan Islam masyarakat di Asia Tenggara pada umumnya mempunyai sastera lisan yang cukup hebat. Sastera lisan ini bukan sahaja merangkumi cerita-cerita rakyat, penglipur lara, pantun dan sebagainya, malah yang sering dilupakan ialah rawatan tradisional yang menjadi amalan masyarakat zaman lampau. Kaedah rawatan dan juga bahan-bahan ramuan yang digunakan oleh bomoh atau pengamal perubatan tradisional diwarisi daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain melalui lisan. Amalan ini berterusan sehinggalah kedatangan pengaruh Arab atau Islam yang telah mengubah keseluruhan budaya dan juga kehidupan bermasyarakat dalam kalangan masyarakat di rantau ini.

Satu perkara penting yang tidak disedari ialah kedatangan Islam telah memperkenalkan sistem tulisan Arab ke dalam masyarakat dan dari sinilah bermulanya suatu era baru¹. Era baru yang dimaksudkan ialah segala amalan dan juga ilmu perubatan masyarakat Melayu yang pada waktu itu adalah berdasarkan daya ingatan seseorang bomoh telah mula dicatatkan atau pun ditulis. Tulisan-tulisan ini dalam apa jua bentuk dikenali sebagai kitab tib iaitu kitab perubatan. Seterusnya dalam makalah ini akan dibincangkan kaedah rawatan yang digunakan oleh masyarakat Melayu lama dalam rawatan pelbagai penyakit. Kaedah ini adalah berdasarkan beberapa buah kitab yang ditemui di beberapa buah tempat yang berlainan atau koleksi yang berbeza untuk menunjukkan bahawa kaedah rawatan yang menjadi amalan masyarakat zaman lampau adalah merupakan warisan turun temurun daripada leluhur kita.

2.0 DARI LISAN KE TULISAN SETERUSNYA MENJADI AMALAN

Konsep ini merupakan pertalian antara sastera lisan yang menjadi amalan masyarakat zaman lampau sehingga kedatangan Islam di rantau ini. Dalam perubatan masyarakat Melayu konsep ini amat penting kerana pada peringkat awalnya seseorang pengamal perubatan mewarisi ilmu perubatan seperti bahan-bahan rawatan sama ada flora atau fauna, kaedah rawatan, pantang larang dan bacaan-bacaan mentera daripada satu generasi kepada generasi yang lain melalui lisan. Dengan erti kata lain ilmu perubatan tersebut diingat dan dihafal oleh pengamal perubatan bagi mengubati pelbagai penyakit yang dialami oleh masyarakat pada zaman tersebut.

¹ Islam telah datang ke rantau Asia Tenggara awal abad ke 13 dan terdapat pelbagai teori kedatangan Islam sama ada dari Arab, Cina ataupun India. Lihat Sq Fatimi, *Islam Comes To Malaysia*.

Ratusan jenis fauna serta kegunaannya untuk rawatan pelbagai penyakit dapat diingat oleh pengamal perubatan tradisional sehinggalah kedatangan Islam di rantau ini. Islam telah memperkenalkan sistem tulisan dan setiap orang Islam wajib membaca Al-Quran dan dalam sembahyang banyak sekali ayat-ayat al-Quran perlu dibaca. Untuk membaca al-Quran seseorang Muslim itu perlu mempelajari bahasa Arab dan kelebihannya apabila masyarakat telah tahu membaca, pengamal-pengamal perubatan tradisional mendapat kelebihan kerana ilmu perubatan yang mereka amalkan dahulunya memerlukan mereka mengingati nama-nama fauna dan flora serta pelbagai perkara lagi kini kedatangan Islam menjadikan mereka lebih mudah lagi. Dengan mengetahui tulisan mereka kemudiannya mencatatkan pelbagai perkara yang mereka tahu tentang ilmu perubatan untuk rujukan agar mereka tidak lupa. Catatan-catatan mereka ini kemudiannya dikumpulkan dan dibukukan untuk rujukan pada kemudian hari kelak. Catatan-catatan inilah yang dikenali dengan nama kitab tib, iaitu ilmu perubatan hasil daripada catatan pengamal-pengamal perubatan tradisional. Kitab-kitab tib yang bilangannya tidak diketahui bertebaran di alam Melayu dan sebahagian daripada digunakan oleh anggota masyarakat sebagai panduan dan juga amalan dalam menjalani kehidupan seharian mereka.

Kini, kitab-kitab Tib telah dicungkil semula, ditransliterasi, dan dianalisis oleh kajian-kajian moden untuk mengesahkan kesahihan perubatan tradisional yang dikatakan dapat mengubati pelbagai penyakit.

3.0 DESKRIPSI NASKHAH

Dalam kajian ini beberapa buah naskhah manuskrip digunakan untuk tujuan perbandingan dan juga untuk melihat keragaman kaedah rawatan yang digunakan oleh masyarakat Melayu tradisional dalam merawat kepelbagaian penyakit anggota masyarakat pada waktu itu. Naskhah-naskhah yang berkaitan dengan perubatan Melayu cukup banyak sama ada dalam bentuk khusus ataupun dalam bentuk catatan-catatan pendek berbentuk naskhah di alam Melayu. Beberapa tahun kajian yang dilakukan telah menunjukkan bahawa beberapa buah naskhah lengkap akan digunakan dalam perbincangan ini, iaitu kitab tib Koleksi Universiti Malaya dengan nombor rujukan MS 115. Setakat kajian ini dilakukan naskhah ini belum pernah dibuat kajian oleh sesiapa pun. Naskhah ini ditulis dalam kertas laid Eropah dengan ketebalan 164 halaman. Tulisannya masih terang dan mudah dibaca walaupun penulisnya tidak konsisten dalam pengejaan kata-kata tertentu dan terdapat beberapa halaman yang kabur. Selain itu, terserlah banyak kesalahan pada kata tertentu dengan beberapa huruf tertinggal dalam penulisan naskhah ini. Naskhah ini tersimpan di Perpustakaan Universiti Malaya.

Naskhah kedua yang dirujuk ialah Kitab tib yang ditemui di Bau-bau, Buton, Sulawesi Tenggara dengan rujukan MLZ 62². Naskhah ini tidak tebal dan ditulis di atas kertas daluang dengan ketebalan 45 halaman. Naskhah ini ditulis dalam jumlah 21-26 baris dalam setiap halaman dan jarak antara baris lebih kurang 0.5 sm manakala lebar teks ialah 11 sm. Naskhah yang ditulis di atas kertas daluang ini mempunyai kepanjangan 23 sm dan lebar 15.5 sm.

Naskhah kitab Tib di Surau Calau, Padang menggunakan nombor rujukan CL.SJJ.2011 62³. Ketebalan naskhah ini ialah 74 halaman dan ada halaman tertentu yang ditulis hanya sebahagian halaman sahaja. Naskhah ini bercampur dengan ajaran tasawuf pada beberapa halaman tertentu.

Kitab tib Pontianak dengan nombor rujukan MSS 2219 merupakan naskhah yang lengkap dan berada dalam simpanan Perpustakaan Negara Malaysia. Naskhah ini berketebalan 40 halaman dan ditulis di atas kertas laid Eropah dan berwarna putih kekuningan. Menurut catatan pada naskhah ini, ia dimiliki oleh Al-Haji Ismail bin al-Haji Mustafa yang menetap di Kampung Tembalan, Pontianak, Kalimantan Barat, Indonesia.

4.0 RAWATAN PENYAKIT

Dalam masyarakat Melayu tradisional terdapat banyak kaedah rawatan yang digunakan untuk merawat sesuatu penyakit itu. Berdasarkan kitab-kitab tib, kaedah rawatan yang digunakan adalah berdasarkan jenis penyakit yang dialami, sama ada penyakit tersebut melibatkan organ dalaman ataupun penyakit luaran. Kedua-

2. MLS ialah rujukan yang digunakan untuk naskhah ini. Naskhah ini ditemui sewaktu kajian dan penuliharaan naskhah Buton yang dilakukan dengan kerjasama Universitas Dayanul Ikhsanuddin, Bau-bau pada Julai 2016. Pemilik naskhah ini bernama Ta Ode Zainu.

3. Naskhah ini ditemui di sebuah surau yang bernama surau tua, iaitu Surau Calau, di Sijunjung Padang, Sumatera Barat Indonesia.

dua jenis penyakit ini mempunyai kaedah rawatan yang berbeza.

4.1 Penyakit Dalam

Penyakit dalam ditakrifkan sebagai penyakit yang melibatkan organ-organ tertentu dan tidak dapat dilihat dengan mata kasar tanda-tanda penyakit sebaliknya pesakit akan merasakan kesakitan atau menderita kesakitan. Terdapat beberapa jenis penyakit ini dan kaedah rawatannya juga berlainan antara satu penyakit dengan penyakit yang lain. Antara penyakit dalam yang sering diperkatakan oleh pengamal perubatan tradisional terdapat dalam naskhah-naskhah kajian ialah:

- i) *Senggugut*
- ii) *Busung darah*
- iii) *Medu angin*
- iv) *Perut kembung*
- v) *Meroyan*
- vi) *karang-karangan*
- vii) *penyakit hati*

4.2 Kaedah Rawatan

Untuk merawat penyakit yang melibatkan organ dalam terdapat beberapa kaedah dan cara rawatan yang diwarisi daripada generasi terdahulu yang masih dikekalkan kaedahnyanya. Dalam kaedah rawatan tradisional persediaan bahan-bahan rawatan sehingga pengambilan ubatan dilakukan sendiri oleh seseorang pesakit. Kaedah rawatan yang digunakan adalah berdasarkan pengamatan yang cukup teliti daripada pengamal perubatan tradisional sama ada dengan cara ramuan dimakan, diminum, dikunyah atau sebagainya. Langkah pertama dalam kaedah rawatan ialah proses penyediaan bahan ataupun ramuan untuk merawat penyakit.

Berdasarkan kitab-kitab yang dikaji, antara penyediaan bahan ramuan oleh kebanyakan pengamal perubatan tradisional ialah:

- i) *Ditumbuk*
- ii) *Digiling*
- iii) *Dipipis*
- iv) *Direndang*
- v) *Diembunkan*
- vi) *Dibakar*
- vii) *Diasah*

Bahan-bahan yang diproses melalui salah satu daripada cara di atas kemudiannya diambil sebagai ramuan sama ada diminum atau dimakan oleh seseorang pesakit. Ramuan yang dimakan atau diminum itu akan terus masuk ke dalam perut dan diserap oleh pembuluh darah dan seterusnya mengurangkan kesakitan yang dialami oleh pesakit. Bahan ramuan yang diminum atau dimakan banyak bergantung pada jenis penyakit yang dialami. Bahan-bahan ramuan yang diproses berbentuk cecair melalui beberapa kaedah berikut, antaranya:

- | | |
|--------------------------|-----------------------------|
| a) <i>Bahan diramas</i> | <i>air ramisan diminum</i> |
| b) <i>Bahan dipipis</i> | <i>air pipisan diminum</i> |
| c) <i>Bahan ditumbuk</i> | <i>air tumbukan diminum</i> |
| d) <i>Bahan masak</i> | <i>air masakan diminum</i> |
| e) <i>Bahan direbus</i> | <i>air rebusan diminum</i> |
| f) <i>Bahan diasah</i> | <i>air asahan diminum</i> |

Berdasarkan contoh-contoh yang dikutip daripada beberapa kitab tib, air yang dimaksudkan di dalam contoh di atas boleh berupa *air sejuk, madu, susu, air kelapa, putih telur atau cecair seperti cuku dan cecair lain yang dirasakan sesuai*. Cecair yang dipilih ini mempunyai kepentingan dalam perubatan namun cecair

yang paling sering digunakan ialah *air bermalam*, *air sejuk* atau *air yang diembunkan*.⁴ Air ini digunakan untuk meramas, memipis, menumbuk, memasak ataupun merebus bahan ramuan. Sukatan bagi cecair banyak bergantung pada seseorang itu sama ada ditetapkan oleh pengamal perubatan, misalnya sukatan seruas telunjuk⁵, segelas air, semangkuk atau sebagainya. Air tersebut boleh diminum atau sebagainya.

Bahan-bahan ramuan yang tersedia tidak boleh diminum secara sembarangan tetapi pesakit perlu mematuhi beberapa syarat yang telah ditetapkan dalam kebanyakan kitab tib. Antara syarat yang banyak ditetapkan ialah waktu pengambilan ramuan, bilangan pengambilan ramuan serta pantang larang sewaktu pengambilan ramuan. Memang menjadi amalan dalam perubatan tradisional, ramuan yang diambil mestilah pada waktu pagi, petang atau pada waktu malam hari⁶. Waktu yang paling sesuai ialah pada waktu pagi kerana pada waktu ini perut masih lagi kosong dan badan telah mendapat rehat yang secukupnya. Waktu pagi juga mempunyai kepentingan dari segi rawatan kerana ramuan perlu diambil terlebih dahulu sebelum sebarang makanan diambil agar ubat yang diambil lebih mujarab.

Selain waktu ini satu istilah yang sering digunakan dalam kebanyakan kitab tib ialah pengambilan ubat sebelum terbang lalat. Frasa ini merujuk waktu awal pagi belum subuh atau lebih tepat waktu imsak hingga ke subuh. Waktu yang digunakan ini terhad pada penyakit tertentu sahaja. Amati beberapa contoh rawatan beberapa penyakit seperti di bawah:

- i) ... ubat serawan ambil daun delima segenggam harat dan daun halia segenggam harat maka perah ambil airnya diminum tiga pagi, jikalau panas kurangkan air halia itu. (MS 115, hlm 60)
- ii) ... bab ini ubat suara ... ambil daun tanjung segenggam harat rebus secupak mandi pagi-pagi. (CL SJJ.2011 62, hlm 16).
- iii) ... kacau dengan telur dan belimbing itu diminum tiga pagi dan telur itu sebuah sepagi diminum sebelum terbang lalat. (MSS 2219 hlm 25).
- iv) ... ambil daun delima daun halia besar segenggam ambil air keduanya minum tiga pagi apai. (CL SJJ. 62 hlm 18).

Kaedah rawatan yang kedua ialah pesakit perlu memakan bahan-bahan ramuan yang disediakan bagi mengubati penyakit yang dialami. Dalam kaedah ini bahan-bahan tertentu yang dipilih perlu dikunyah hingga hancur dan kemudiannya ditelan oleh pesakit. Ramuan yang hendak dimakan terlebih dahulu akan mengalami proses tertentu sewaktu penyediaan bahan-bahan tersebut. Sesetengah ramuan *dibakar*, *dipipis*, *digiling*, *direndang*, *dihiris*, *ditanamkan dalam api* atau sebagainya. Proses-proses ini mempunyai kepentingan tertentu dalam perubatan tradisional kerana setiap proses ada kelebihan dan kemujaraban dalam mengubati sesetengah penyakit.

Proses memipis ramuan misalnya dilakukan untuk memastikan bahan yang dipipis lembut dan cecair daripada bahan berbentuk separa hancur memudahkan pesakit untuk memakannya. Sesetengah bahan yang dipipis tidak dimakan sebaliknya digunakan untuk tampalan pada bahagian-bahagian tertentu pada badan. Di samping itu, bahan yang dipipis akan mengeluarkan cecair dan mudah hadam sewaktu dimakan dan cepat bertindak balas dalam mengubati sesetengah penyakit. Pengambilan ramuan akan ditetapkan dan caranya hampir sama seperti meminum ramuan yang dinyatakan di atas. Lihat contoh-contoh yang dikutip daripada naskah sumber seperti yang berikut:

4. Pemilihan jenis-jenis air ini mempunyai kepentingan tertentu. Air yang disimpan semalaman atau air bermalam atau air yang disejukkan digunakan bagi mengelakkan kelodak atau kekotoran yang ada pada air akan mendak di bawah permukaan air. Ini menyebabkan air yang digunakan bersih daripada sebarang kekotoran.
5. Sukatan seruas telunjuk digunakan sebagai unit sukatan dalam masyarakat Melayu berdasarkan beberapa faktor saintifik yang kurang disedari oleh masyarakat umum. Ini kerana sukatan seruas telunjuk ialah sukatan yang digunakan oleh seseorang pesakit untuk mengubati dirinya. Sukatan antara seorang pesakit dengan seorang pesakit yang lain tidak sama. Panjang pendek jari seseorang banyak bergantung pada saiz tubuh dan faktor-faktor lain.
6. Dalam perubatan tradisional, waktu tengah hari amat jarang digunakan untuk pengambilan ubat. Ini disebabkan pada waktu ini badan tidak mendapat rehat yang cukup dan anggota badan berfungsi secara maksimum. Sekiranya ramuan diambil pada waktu, dikhuatiri tidak memberi kesan optimum kepada pesakit.

- i) ... ambil hati pinang muda dipipis lumat-lumat mesrakan dengan minyak lengu kukus makan pada ketika tengah malam. (MSS 2219 hlm 28)
- ii) ... ubat serawan ambil akar pinang dan daun kaduk dan harang daun nipah maka pipis lumat semuanya ambil patinya minum aflat (MS 115, hlm 61)
- iii) Ini ubat membuang kuman ambil daun peria pipis permasak dengan cuka maka lulutkan pada tubuh afia (CL.SJJ.2011 62, hlm 2).
- v) Ubat sendi ambil daun asam jawa dan pipis airnya berikan juga masam barutkan pada badan itu aflat olehnya (MLZ 62 hlm 29).

5.0 RUMUSAN

Sedar atau tidak masyarakat kita yang mewarisi perawatan tradisional sejak ratusan tahun yang lalu. Ilmu perubatan ini diwarisi daripada satu generasi kepada satu generasi yang lalu yang pada peringkat awalnya secara lisan. Akibat perkembangan zaman ilmu perubatan tradisional telah mengalami perubahan secara evolusi. Kini, perubatan moden telah menggunakan banyak bahan dan juga kaedah rawatan tradisional dalam merawat pelbagai penyakit moden yang tidak dapat dirawat dengan kaedah perubatan moden. Usaha menghidupkan perubatan tradisional perlu dilihat dari sudut yang positif memandangkan banyak kelebihan dan yang masih belum dicungkil yang terdapat dalam perubatan tradisional.

BIBLIOGRAFI:

- 1) Ab.Razak Ab.Karim, 2000. "Kitab Tib Pontianak: Jenis-jenis Penyakit dan Bahan-bahan Yang Digunakan Untuk Perubatan" dlm. *Jurnal Filologi Melayu Jilid 8*, Perpustakaan Negara Malaysia: Kuala Lumpur
- 2) Ab.Razak Ab.Karim, 2006. *Analisis Bahasa dalam Kitab Tib Pontianak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- 3) Achaiaji Ikram et.al, 2001. *Katalog Naskah Buton: Koleksi Abdul Mulku Zahari*. Yayasan Obor Indonesia: Jakarta.
- 4) Agus G.T.K. et.al, 2002. *Ramuan Tradisional*. PT.AgroMedia Pustaka. Depok: Jakarta.
- 5) Al-Azhar dan Elmisjjan Rahman, 2001. *Kandil Akal Di Pelantar Budi : Esai dan Renungan Budaya Persembahkan kepada Alm.Raja Hamzah Yunus*. Yayasan katu: Pekan Baru Riau.
- 6) Cheppy Syukur dan Hernani, 2002. *Budi Daya Tanaman Obat Komersial*. Penerbit Swadaya, Cimanggis, Depok: Jakarta.
- 7) Katalog Naskah Buton Koleksi Abdul Mulku Zahari.2001.Masyarakat Pernaskahan Nusantara - Yayasan Obor Indonesia.
- 8) *Manuskrip Kitab Mjarrabat*, koleksi Faoka Zahari, Buton.
- 9) Muhammad Abdullah, 2000. "Wirid, Hizid dan Wifq Dalam Tradisi Naskah Pesantren" Kertas Kerja Musyawarah Nasional II dan Simposium Antarabangsa IV Masyarakat Pernaskahan Nusantara, Pekan Baru Riau, 18-20 Julai 2000.
- 10) Muhammad bin Zakariah dan Mustafa Ali Mohd, 1998. *Tradisional Malay Medicinal Plants*, Fajar Bakti: Shah Alam Selangor.
- 11) Naskah MLZ 62 Kitab Perubatan Koleksi La Ode Zaimu, Buton.
- 12) Naskah CL.SJJ.2011 62 Perubatan Koleksi Surau Calau, Padang
- 13) Naskah MS 115 Kitab Perubatan Koleksi Universiti Malaya
- 14) Naskah MSS 2219 Kitab Tib Pontianak, Koleksi PNM
- 15) Redaksi Trubus, 2002. *Obat Tradisional Sembuhkan Mereka*, Majalah Trubus: Jakarta.
- 16) Unus Suriawiria, H., 2000. *Tanaman Leluh dan Penyakit Masa Kini*, Penerbitan Papis Sinar Sinanti: Jakarta

7 Lulutkan bermaksudkan lumutan.

LAMPIRAN



Naskhah CI.SJJ.2011 62 Perubatan Koleksi Surau Calang, Padang



Naskhah MLZ 62 Kitab Perubatan Koleksi La Ode Zainu, Buton.



Naskhah MS 115 Kitab Perubatan Koleksi Universiti Malaya